

DASAR KESIHATAN DAN KESELAMATAN GLOBAL

Tujuan

Dasar ini melahirkan komitmen Kelly Services, Inc. dan anak-anak syarikatnya ("Kelly" atau "Syarikat") terhadap kesihatan dan keselamatan pekerja.

Orang yang Terangkum

Dasar ini meliputi semua pekerja dan operasi Kelly sedunia.

Dasar

Matlamat Murni Kita — *kita menghubungkan manusia dengan kerja yang memperkaya kehidupan mereka* — hanya tercapai apabila pekerja pulang dalam keadaan yang sama seperti sewaktu mereka tiba: selamat, sempurna dan sejahtera. Pegangan itu mendasari seluruh kandungan dasar ini.

Kelly Services, Inc. komited terhadap usaha menggalakkan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja bagi semua orang yang bekerja dengan kita, untuk kita dan bagi pihak kita. Visi kita ialah **Sifar Mutlak** — sifar kejadian buruk kerana bekerja, sifar kecederaan kerana bekerja dan sifar penyakit kerana bekerja. Kita tidak menganggap Sifar Mutlak itu sebagai garis penamat tetapi sebagai perjalanan yang sentiasa bertambah baik: standard yang kita sasarkan setiap hari, yang diperhalus sambil kita belajar dan yang tidak akan kita berhenti usahakan.


Kita kehendaki semua orang yang bekerja dengan Kelly — pekerja, pelanggan, kontraktor dan pembekal— agar:

- **Patuhi dan lepasi** semua undang-undang dan peraturan keselamatan dan kesihatan yang berkenaan;
- **Cakap sambil mendengar** untuk mengadakan dialog yang terbuka lagi jujur mengenai keadaan dan bahaya di tempat kerja, tanpa rasa takut akan tindakan balas kerana mengadu;
- **Tiadakan risiko pada peringkat reka bentuk** atas kesedaran bahawa keselamatan yang berkekalan berpunca daripada sistem yang kukuh, kawalan yang dipastikan berkesan dan reka bentuk kerja yang berhemah;
- **Agih-agihkan tanggungjawab** terhadap keselamatan dan kesihatan kepada setiap peringkat organisasi, daripada pekerja baris depan sehingga anggota pengurusan, kerana setiap orang bertanggungjawab mendukung standard ini, demi keselamatan pekerja lain yang bertugas di sekeliling mereka;
- **Jalinkan perkongsian yang berkesan** dari segi keselamatan, dengan anggapan bahawa keselamatan itu sama-sama dijaga oleh seluruh rangkaian pekerja dan klien kita; dan
- **Sentiasa lakukan penilaian** tapak kerja dan suasana kerja yang berubah-ubah — sertakan tempat kerja yang terpencil, hibrid dan bukan tradisional — untuk mencari dan meniadakan risiko sebelum timbul mudarat.

Kesihatan dan keselamatan bukan inisiatif yang bernoktah tetapi sesuatu yang tetap, iaitu asas yang membolehkan kita menghubungkan manusia dengan kerja yang benar-benar memperkaya kehidupan mereka. Kita tetap komited terhadap Sifar Mutlak, yang akan kita sasarkan tanpa berhenti, peningkatan demi peningkatan.

Hubungi

Untuk bertanya mengenai dasar ini, hubungi Jabatan [Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran Global](#).


Chris Layden, Ketua Pegawai Eksekutif Kelly